

PELAKSANAAN PENDEKATAN BERMAIN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU MURID PRASEKOLAH

The Implementation of Play Approach in Teaching and Learning of Malay Language for Preschool Students

Chew Fong Peng¹, Mohd Fikri Ismail²

^{1,2}Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

fpchew@um.edu.my¹, fi.fikriismail93@gmail.com²

Received: 17 Mac 2020; Accepted: 16 April 2020; Published: 11 Mei 2020

To cite this article (APA): Peng Chew, F., & Fikri Ismail, M. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.2.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.2.2020>

ABSTRAK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sesuai perlu digunakan bagi mencungkil potensi dan menarik minat kanak-kanak. Kaedah bermain dikenal pasti sebagai salah satu pendekatan PdP yang berkesan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah, dan menganalisis hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Kajian ini melibatkan 66 orang guru prasekolah di Kuala Lumpur dengan menggunakan persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Kajian ini dapat membantu guru, pihak sekolah ataupun pihak kementerian untuk mengenal pasti sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah.

Kata kunci: pendekatan bermain, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, murid prasekolah

ABSTRACT

Appropriate teaching and learning (T&L) methods should be used to unlock the potential and interest of children. In this regard, play is identified as one of the effective teaching approaches. Therefore, this study was carried out to investigate the implementation of play approach in T&L of Malay language among preschool student, and analyze the relation between teachers' attitude and motivation with the implementation of play approach in T&L of Malay language among preschool pupils. This study involved 66 preschool teachers in Kuala Lumpur by using purposive sampling. This study utilized a questionnaire as the instrument in collecting data. The findings of this study revealed that Malay language teachers' attitude and motivation on the implementation of play approach in T&L of Malay language among preschool pupils was at a high level. The findings also showed that there was a significant relation between teachers' attitude and motivation with the implementation of play approach in T&L among preschool pupils. This study can help teachers, school authorities or the ministry to identify the attitude and motivation of teachers in implementation of the play approach in T&L of Malay language among preschool pupils.

Keywords: play approach, teaching and learning of Malay language, preschool students,



PENGENALAN

Di Malaysia, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa. Penyemakan ini dilakukan bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum ini bertujuan mengembangkan potensi kanak-kanak pada awal usia empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu. Kandungan yang dipelajari di peringkat prasekolah pada asasnya merupakan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan murid sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Di luar negara, terdapat garis panduan daripada *National Association for Education of Young Children* (NAEYC) yang mencadangkan agar kurikulum yang menggunakan pendekatan amalan bersesuaian dengan perkembangan atau *Developmentally Appropriate Practices* (DAP) menggantikan kurikulum formal dan berasaskan akademik yang sedia ada. NAEYC berkeyakinan pendekatan bermain dapat membantu kanak-kanak memahami sesuatu perkara secara lebih mendalam dan seterusnya pengetahuan yang diperolehi oleh kanak-kanak tersebut dapat diterapkan dalam konteks baharu (Nell, Drew & Bush, 2013). Kurikulum bersepadu yang digariskan oleh NAEYC ini juga tidak hanya menumpukan kepada perkembangan kognitif semata-mata, malahan mengambil kira setiap aspek perkembangan individu yang lain seperti perkembangan emosi, fizikal, sosial, bahasa dan kreativiti (Whitebread & Bingham, 2013; Ho & Funk, 2018).



Secara umumnya, terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik dan sesuai untuk di prasekolah. Sehubungan itu, guru perlu bijak merancang dan menentukan strategi yang sesuai dengan tahap perkembangan murid agar sesi PdP yang dijalankan bermakna kepada kanak-kanak dan mencapai objektif yang dirancang. Pendekatan bermain merupakan salah satu daripada pendekatan PdP yang ditekankan dalam KSPK. Pendekatan belajar melalui bermain ini merupakan pendekatan yang berstruktur dan terancang bagi memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam suasana bebas, selamat, menggembirakan dan bermakna (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pendidikan prasekolah berfokus kepada kurikulum berpusatkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan murid secara aktif seperti belajar melalui bermain.

Pendekatan bermain diberi penekanan di prasekolah kerana bermain merupakan fitrah atau tingkah laku semula jadi kanak-kanak. Oleh itu, bermain dan kanak-kanak tidak dapat dipisahkan. Melalui proses bermain, kanak-kanak dapat membuat penerokaan, penemuan, dan pembinaan pengalaman kanak-kanak secara langsung dan semula jadi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Buktinya, melalui bermain kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan fizikal, sosioemosi, kognitif, bahasa serta yang paling penting potensi kanak-kanak dapat meningkat ke peringkat maksimum.

Penguasaan bahasa yang baik membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan masyarakat dengan betul, berkesan dan tepat. Pemerolehan bahasa kanak-kanak banyak berkait dengan akal dan fikiran ketika mempelajari sesuatu. Pemerolehan bahasa kanak-kanak juga dipengaruhi oleh ciri-ciri tertentu dan tahap-tahap tertentu dalam kehidupan mereka. Perkembangan kognitif kanak-kanak menunjukkan satu proses pembelajaran dan perubahan yang berlaku kepada kanak-kanak sehingga mereka dewasa.





Usaha dalam mengatasi masalah penguasaan bahasa perlu dijalankan dengan mencari punca masalah sejak dari peringkat awal lagi, iaitu peringkat prasekolah. Permasalahan yang berkaitan dengan faktor kaedah mengajar dapat membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Kaedah PdP yang sesuai perlu digunakan bagi mencungkil potensi dan menarik minat kanak-kanak untuk menguasai bahasa bagi berhubung dengan persekitarannya (Ramlah, 2013; Zaharah & Suziyani, 2019). Pemilihan kaedah PdP yang bersifat aktif dan menyeronokkan perlu digunakan bagi menarik minat kanak-kanak untuk meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Kanak-kanak perlu diberi bimbingan oleh ibu bapa dan guru mengenai gaya dan strategi pembelajaran yang betul dan sesuai supaya dapat membantu kanak-kanak untuk menguasai bahasa.

Memerihalkan tentang kaedah PdP yang sesuai, telah banyak kajian yang mencadangkan pendekatan bermain sebagai salah satu strategi PdP yang berkesan untuk murid prasekolah. (Sharifah Nor & Alizah, 2011; Zakiah, Azlina & Yeo, 2013, Ramlah, 2013; Haslinda, 2015; Aimi Najlaa & Faridah, 2017; Auni Bazilah & Mohd Jasmy, 2019). Kajian-kajian tersebut menunjukkan perkembangan kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti persekitaran, ibu bapa, dan guru. Memandangkan pengalaman awal persekolahan memainkan peranan penting sebagai asas kemajuan akan datang, kaedah bermain adalah penting kerana membolehkan kanak-kanak memanipulasi alat permainan dan melihat keputusannya (Piaget, 1951). Kaedah bermain antara guru dengan kanak-kanak menyediakan persekitaran yang semula jadi dalam membantu perkembangan kanak-kanak.


Kajian Aimi Najlaa dan Faridah (2017) dijalankan bagi menilai tahap kualiti aktiviti prasekolah berdasarkan persepsi guru prasekolah KPM di Negeri Sembilan. Tahap kualiti aktiviti ditentukan melalui soal selidik yang ditadbirkan secara atas talian berdasarkan dimensi aktiviti di dalam *Early Childhood Environment Rating Scale – Revised* (ECERS-R) yang telah diadaptasi kepada konteks sosiobudaya prasekolah di Malaysia. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan sampel kajian melibatkan 30 orang guru prasekolah di bandar dan 30 orang guru prasekolah di luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti aktiviti antara prasekolah di bandar dengan prasekolah di luar bandar terhadap aktiviti muzik atau gerakan, main drama, matematik atau nombor, penggunaan TV, video atau komputer, dan promosi penerimaan kepelbagaian. Oleh itu, guru seharusnya mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan strategi pengajaran dengan melaksanakan pelbagai aktiviti bermain kepada kanak-kanak.

Walaupun kaedah bermain dilihat sebagai salah satu pendekatan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak prasekolah, namun faktor sikap dan motivasi guru juga memainkan peranan terhadap pelaksanaan kaedah tersebut, tetapi kedua-dua aspek ini belum diterokai dalam konteks kaedah bermain. Kajian Ainun Rahmah, Zamri dan Wan Muna Ruzanna (2017) menunjukkan pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu, tetapi kajian terhadap sikap dan motivasi guru dalam melaksanakan strategi pengajaran yang kreatif dan berkesan masih belum dijalankan dengan meluas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain, dan sejauhmana pelaksanaan kaedah bermain ini dalam pengajaran Bahasa Melayu terhadap murid prasekolah.

Dalam kajian ini, sikap dan motivasi guru prasekolah akan menentukan pelaksanaan kaedah bermain di dalam bilik darjah agar memberi pengalaman yang konkrit kepada murid prasekolah. Segala pengalaman yang diperolehi murid dapat diserap dan diubahsuai



berdasarkan pengalaman sedia ada terutamanya setelah guru melaksanakan pendekatan bermain dan seterusnya membantu penguasaan Bahasa Melayu murid prasekolah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut;



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian

Antara soalan kajian ini adalah seperti berikut;

1. Apakah tahap sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?
2. Apakah tahap motivasi guru untuk melaksanakan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?
3. Apakah tahap pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?
4. Adakah terdapat hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?

Satu hipotesis alternatif kajian telah dibentuk bagi jangkaan dapatan hasil kajian seperti berikut;

H_{1.1} - Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Lokasi kajian ini ialah di sembilan buah tadika swasta yang terletak di sekitar Kuala Lumpur. Tadika-tadika tersebut dipilih atas faktor cawangan yang terbanyak, iaitu 35 buah berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Sampel kajian terdiri daripada 66 orang guru prasekolah yang mengajar Bahasa Melayu, iaitu satu per empat daripada populasi. Persampelan diambil secara bertujuan kerana memberi tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu yang sesuai dengan fokus kajian yang ingin dilakukan. Ciri-ciri yang dicari ialah guru yang mengajar Bahasa Melayu dan merupakan guru yang berkhidmat di tadika swasta tersebut.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang diubah suai dan diadaptasi daripada kajian Rozita, Latifah dan Fadzilah (2017), Ainun Rahmah *et al.* (2017), dan Rasid dan Hasmah (2013) mengikut kesesuaian sampel kajian. Kesahan instrumen dilakukan oleh tiga orang pakar yang dipilih. Pakar yang dipilih mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun berkaitan bidang kajian. Kajian rintis menunjukkan nilai *alpha*

instrumen kajian ini ialah .923. Nilai *alpha* ini adalah tinggi yang menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Segala data yang diperoleh daripada soal selidik tersebut akan dianalisis menggunakan perisian SPSS 25.0 dengan menggunakan analisis deskriptif bagi melihat nilai min dan sisihan piawai, dan analisis inferensi untuk mengenal pasti hubungan. Jadual 1 berikut adalah interpretasi min yang digunakan untuk menganalisis hasil kajian.

Jadual 1
Skor dan Interpretasi Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Jadual 2 pula menunjukkan demografi responden dalam kajian ini.

Jadual 2
Demografi Responden

Demografi (n=65)	Deskripsi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	6	9.1
	Perempuan	60	90.9
Kaum	Melayu	66	100.0
Umur	20 hingga 30 tahun	61	92.4
	31 hingga 40 tahun	5	7.6
Pengalaman Mengajar	1 hingga 5 tahun	64	97.0
	6 hingga 10 tahun	2	3.0
	Jumlah	66	100

DAPATAN KAJIAN

Soalan Kajian 1: Apakah tahap sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?

Jadual 3 menunjukkan sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Secara keseluruhannya, sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi ($M = 4.35$, $SP = .55$). Item 1, iaitu “Saya tidak mudah berputus asa membimbing murid dengan menggunakan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu.” mendapat skor min tertinggi ($M=4.45$, $SP= .50$). Sebaliknya item yang terendah ialah Item 9, iaitu “Saya gemar berkongsi cara pelaksanaan pengajaran pendekatan bermain dengan rakan-rakan.” ($M=4.21$, $SP= .57$).

Jadual 3

Sikap Guru terhadap Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam PdP Bahasa Melayu Murid Prasekolah

Bil.	Item	Min	SD
1	Saya tidak mudah berputus asa membimbing murid dengan menggunakan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.45	.50
2	Saya berasa yakin untuk mengaplikasikan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.41	.55
3	Saya optimis bahawa murid saya dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu melalui pendekatan bermain.	4.39	.63
4	Saya bersungguh-sungguh dalam membuat persediaan sebelum memulakan proses pengajaran yang menggunakan pendekatan bermain	4.38	.55
5	Saya selalu memberi peluang kepada murid untuk berkreativiti semasa aktiviti bermain dijalankan.	4.35	.54
6	Saya rajin menyediakan bahan untuk pengajaran Bahasa Melayu.	4.35	.48
7	Saya berasa selesa mengaplikasikan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.33	.54
8	Saya gemar menggunakan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.27	.60
9	Saya gemar berkongsi cara pelaksanaan pengajaran pendekatan bermain dengan rakan-rakan.	4.21	.57
Purata Min		4.35	.55

Soalan Kajian 2: Apakah tahap motivasi guru untuk melaksanakan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?

Jadual 4 menunjukkan motivasi guru melaksanakan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Secara keseluruhannya, motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi ($M = 4.36$, $SP = .57$). Item 1, iaitu “Saya berminat mengajar teknik dan kemahiran baru dalam pembelajaran Bahasa Melayu.” mempunyai min yang tertinggi ($M=4.52$, $SP=.51$). Sebaliknya, item yang terendah ialah Item 10, iaitu “Saya selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru lain dalam pengajaran Bahasa Melayu.” ($M=4.10$, $SP=.70$).

Jadual 4

Motivasi Guru untuk Melaksanakan Pendekatan Bermain dalam PdP Bahasa Melayu Murid Prasekolah

Bil.	Item	Min	SD
1	Saya berminat mengajar teknik dan kemahiran baru dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.52	.51

2	Saya mendorong murid menyiapkan tugas Bahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan kumpulan atau antara satu sama lain.	4.50	.51
3	Murid lebih bersemangat untuk belajar apabila saya menggunakan pendekatan bermain.	4.50	.56
4	Saya lebih bermotivasi apabila terdapat murid menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu.	4.45	.50
5	Saya menggalakkan murid bertanya semasa pembelajaran Bahasa Melayu walaupun terdapat kesalahan yang dilakukan oleh mereka.	4.39	.52
6	Saya menetapkan matlamat dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.35	.57
7	Saya merancang strategi pengajaran Bahasa Melayu.	4.32	.56
8	Saya menyedari pendekatan pengajaran yang saya gunakan membantu pembelajaran Bahasa Melayu murid.	4.23	.60
9	Saya menyesuaikan idea asal mengikut perubahan semasa dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.20	.64
10	Saya selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru lain dalam pengajaran Bahasa Melayu.	4.10	.70
Purata Min		4.36	.57

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
Soalan Kajian 3: Apakah tahap pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?

Jadual 5 menunjukkan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Secara keseluruhannya, pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi ($M = 4.36$, $SP = .56$). Item 1, iaitu “Saya akan memastikan penglibatan sama rata murid semasa aktiviti dijalankan.” mendapat nilai min yang tertinggi ($M=4.53$, $SP=.50$). Sebaliknya, nilai min yang terendah ialah Item 9, iaitu “Saya akan bertindak sebagai fasilitator sepanjang aktiviti dijalankan.” ($M=4.17$, $SP= .60$).

Jadual 5
Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam PdP Bahasa Melayu Murid Prasekolah

Bil.	Item	Min	SD
1	Saya akan memastikan penglibatan sama rata murid semasa aktiviti dijalankan.	4.53	.50
2	Saya akan memberi maklumat asas untuk membantu murid (bahan bergambar).	4.47	.53
3	Saya membina soalan yang bersesuaian dengan objektif pengajaran.	4.39	.61
4	Saya merancang penggunaan masa dan ruang yang optimum.	4.39	.49

5	Saya menyediakan bahan bantu mengajar sama ada kad arahan, mainan berpapan dan sebagainya.	4.38	.49
6	Saya akan menjelaskan objektif pengajaran terlebih dahulu sebelum aktiviti bermain dijalankan.	4.35	.57
7	Saya menggalakkan perkongsian maklumat sama ada antara ahli kumpulan atau antara satu sama lain	4.35	.51
8	Saya menentukan kriteria membentuk kumpulan murid.	4.17	.74
9	Saya akan bertindak sebagai fasilitator sepanjang aktiviti dijalankan.	4.17	.60
Purata Min		4.36	.56

Soalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah?

Analisis pearson-r menunjukkan terdapat korelasi yang tinggi antara sikap ($r = .774$, $p = .00$) dan motivasi guru ($r = .801$, $p = .00$) dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Oleh itu, pengkaji berjaya menerima hipotesis alternatif kajian ini.

Jadual 6
 Hubungan antara Sikap dan Motivasi Guru dengan Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam PdP Bahasa Melayu Murid Prasekolah

	Kolerasi	Sikap	Motivasi	Pelaksanaan
Sikap	<i>Pearson Correlation</i>	1	.694**	.774**
	<i>Sig.</i>		.000	.000
Motivasi	<i>Pearson Correlation</i>	.694**	1	.801**
	<i>Sig.</i>	.000		.000
Pelaksanaan	<i>Pearson Correlation</i>	.774**	.801**	1
	<i>Sig.</i>	.000	.000	

** $p < 0.01$

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian yang diperoleh ini membantu pengkaji dan pembaca memahami situasi sebenar yang dialami oleh para guru secara umumnya tentang sikap dan motivasi guru, dan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah.

Dapatan kajian menunjukkan sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi. Dengan erti kata lain,



sikap guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah adalah positif. Antara sikap positif guru tersebut ialah tidak mudah berputus asa membimbing murid dengan pendekatan bermain, berasa yakin untuk mengaplikasikan pendekatan bermain, dan optimis bahawa murid dapat membantu penguasaan Bahasa Melayu melalui pendekatan bermain.

Guru merupakan komponen penting semasa proses PdP berlangsung. Setiap amalan dan tingkah laku guru mempengaruhi dan memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran. Sehubungan itu, Nor Amalina dan Zanaton (2018) menegaskan kepentingan sikap guru yang positif dalam menentukan penerimaan sesuatu inovasi pengajaran. Menurut Jabatan Pelajaran Johor (2011), kegagalan atau kejayaan penyebaran kurikulum (baharu atau sedia ada) dipengaruhi oleh sikap guru terhadap kurikulum dan pengajaran. Dapatan kajian ini yang menunjukkan sikap positif guru pasti dapat menyumbang kepada kejayaan KSPK sekiranya guru terus bersikap sedemikian.

Dapatan kajian ini turut disokong oleh Mohd Nazri dan Wan Nurul (2018) yang mendapati semua guru prasekolah menyambut positif KSPK yang meraikan hak murid yang masih kecil untuk bermain dan bersosial. Kajian Erma dan Leong (2014) juga mendapati sikap yang positif beberapa responden guru prasekolah terhadap pelaksanaan KSPK menyebabkan guru berkenaan cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka.

Dapatan ini turut disokong oleh Norlizah dan Fadzilah (2016) yang mendapati guru Bahasa Melayu mempunyai tahap kesediaan sikap yang positif. Kajian Norismayati Aida, Anida dan Mohd. Rashid (2013) juga menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu sentiasa memanfaatkan amalan pengajaran yang positif bagi memastikan kualiti pengajaran kepada pelajar. Kajian Abdul Rasid dan Hasmah (2013) juga mendapati guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolegunaan dan kesesuaian pembelajaran menyeronokkan dalam PdP Bahasa Melayu. Guru juga mengakui penggunaan multimedia dapat mewujudkan pembelajaran menyeronokkan. Justeru itu, pengkaji berpendapat pendekatan bermain adalah pendekatan yang baik dan sesuai dalam mengajar Bahasa Melayu kepada murid prasekolah.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan guru bermotivasi terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Antara motivasi positif guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah adalah seperti berminat mengajar teknik dan kemahiran baharu dalam pembelajaran, bermotivasi apabila murid lebih bersemangat untuk belajar apabila menggunakan pendekatan bermain, dan bermotivasi dalam mendorong murid menyiapkan tugas Bahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan.

Tan, Chew, Fonny, dan Zanariah (2019) mendapati motivasi memberi dorongan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran secara berkesan, seperti dapatan kajian ini yang menunjukkan guru yang bermotivasi menggunakan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu apabila murid bersemangat untuk belajar. Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zaki, Azman Hassan, Razali Hassan dan Mohd As'ed (2014) juga menunjukkan perlunya faktor ekstrinsik bagi memotivasikan guru dalam memberi kreativiti mereka dalam pengajaran. Ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan guru bermotivasi apabila mendapat galakan dan dorongan daripada guru lain.



Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah berada pada tahap tinggi. Antara pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah yang dilakukan adalah seperti memastikan penglibatan sama rata murid semasa aktiviti dijalankan, memberi maklumat asas untuk membantu murid seperti bahan bergambar, dan membina soalan yang bersesuaian dengan objektif pengajaran.

Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Zakiah & Mohamad Kamis (2016) yang menunjukkan terdapat empat elemen pedagogi berasaskan bermain, iaitu; (i) kesesuaian sumber dan bahan pembelajaran; (ii) penerapan minat, kreativiti dan motivasi; (iii) perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran; dan (iv) rangsangan tingkah laku. Dapatan kajian ini juga selari dengan cadangan Brock, Sylvia, Jarvis dan Olusoga (2009) yang menyatakan aktiviti dan pengalaman yang diberikan oleh guru ketika menggunakan pendekatan bermain perlu distrukturkan melalui kitaran perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, ujian dan penilaian.

Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan kajian Lai, Chin & Chew (2017) yang mendapati guru Bahasa Melayu masih lagi mengamalkan strategi pengajaran konvensional dalam pengajaran dan mendominasi pengajaran di dalam kelas. Kajian Abdul Rasid dan Hasmah (2013) juga mendapati guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar kerana masih cenderung menggunakan teknik pengajaran berasaskan bakat semula jadi guru atau murid berbanding penggunaan bahan bercetak, alat pandang dengar dan perisian multimedia untuk mewujudkan amalan pembelajaran menyeronokkan.

Walaupun hasil kajian ini bertentangan dengan beberapa kajian lepas, namun terdapat kajian-kajian yang selari dengan dapatan pengkaji ini. Ini jelas menunjukkan pendekatan bermain dapat menarik minat dan mendorong guru untuk melaksanakan pendekatan bermain. Sehubungan itu, pendekatan bermain amat wajar untuk dibangunkan dan dilaksanakan dengan lebih teliti bagi merealisasikan hasrat dan matlamat PdP seperti yang telah digariskan dalam KSPK.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Kajian Ainun Rahmah *et al.* (2017) menunjukkan pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu. Maklum balas positif pelajar mendorong guru untuk menerima baik pendekatan mengajar yang kreatif, iaitu bermain dalam konteks kajian ini. Dengan sikap yang positif, guru lebih bermotivasi untuk melaksanakan pendekatan bermain dalam pengajaran mereka.

Menurut Teori Perkembangan Kognitif (TPK) oleh Piaget (1951), dapatan kajian ini menunjukkan hipotesis yang terdapat dalam TPK memberi implikasi kepada kajian ini. TPK menekankan proses mental dalam pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, pengajaran mesti dalam keadaan santai dan selari dengan fitrah kanak-kanak yang belajar melalui bermain. Atas dasar ini, dapatan ini menunjukkan guru yakin dan optimis terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu murid prasekolah. Ini juga mendorong guru bersikap positif dan bermotivasi dalam melaksanakan pendekatan bermain. Oleh itu, aktiviti atau pedagogi berasaskan bermain yang diaplikasikan secara berstruktur dapat membantu penguasaan Bahasa Melayu murid prasekolah. Justeru, pedagogi berasaskan

bermain dalam peringkat prasekolah perlu diperkasakan untuk membentuk daya saing kanak-kanak dari segi pengetahuan dan kemahiran (Zakiah & Mohamad Kamis, 2016).

Kajian ini membantu pihak berkepentingan untuk mengetahui sikap dan motivasi guru, pelaksanaan pendekatan bermain dan hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. Semua pihak harus berusaha untuk melakukan penambahbaikan bagi memastikan sikap dan motivasi guru sentiasa berada pada tahap yang positif. Oleh itu, usaha pengekalan dan penambahbaikan perlu dititikberatkan agar pendekatan bermain dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha membantu penguasaan Bahasa Melayu murid prasekolah.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan dijalankan terhadap di tadika lain dengan lebih meluas untuk mendapat gambaran yang lebih lanjut tentang fokus kajian ini. Selain itu, kajian berbentuk kualitatif boleh dijalankan untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang proses pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP di tadika.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain perlu dikekalkan pada tahap positif kerana kebanyakan kajian lepas membuktikan keberkesanan pendekatan bermain dalam PdP Bahasa Melayu. Oleh itu, kerjasama semua pihak harus diwujudkan supaya pelaksanaan pendekatan bermain terhadap murid prasekolah lebih terjamin. Pihak kerajaan juga tidak boleh meletakkan seluruh beban kepada guru dalam menjayakan sesuatu dasar, tetapi harus turut membantu mereka seperti menyediakan bahan-bahan pengajaran, mengadakan kursus pemantapan pedagogi, dan memberi peruntukan yang sesuai kepada tadika supaya guru dapat menyerlahkan kreativiti pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2). 49-63.
- Aimi Najlaa Muhammad Noor & Faridah Yunus. (2017). Kualiti aktiviti di prasekolah KPM dari perspektif guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 71-82.
- Ainun Rahmah Ibrahaim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Auni Bazilah Alias & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2019). Tahap penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kalangan guru sekolah rendah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 6(1), 176-190.
- Brock, A., Dodds, S, Jarvis, P. & Olusoga, Y. (2009). *Perspectives on play: Learning for life*. London: Routledge.
- Erma Abu, N., & Leong, K. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Haslinda Tahir Shah. (2015). Kaedah bermain dalam meningkatkan minat murid orang asli terhadap Sains. *International Conference on Language, Education and Innovation*, 16th – 17th March.
- Ho, E., & Funk, S. (2018). *Promoting young children's social and emotional health*. Diperoleh semula daripada <https://www.naeyc.org/resources/pubs/yc/mar2018/promoting-social-and-emotional-health>
- Jabatan Pelajaran Johor. (2011, April). *Jauhari: Transformasi kurikulum dan implikasi kepada pemikiran profesionalisme guru*.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan)*. Kuala Lumpur: Penulis.
- Lai, L. C., Chin, H. L., & Chew, F. P. (2017). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.
- Mohd Nazri & Wan Nurul (2018). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59-71.
- Muhammad Zaki, Azman Hassan, Razali Hassan & Mohd As'ed. (2014). Kreativiti guru dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2013* (hlm.1-14). Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nell, M. L., Drew, W. F. & Bush, D. E. (2013). *From play to practice: Connecting teachers' play to children's learning*. National Association for the Education of Young Children.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap Pembelajaran berasaskan Masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*, 5 Julai 2018, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norismayati Aida Idris, Anida Sarudin & Mohd. Rashid Md. Idris. (2013). Amalan guru dan penguasaan aspek ilmu linguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Perak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 116 - 142.
- Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman. (2016) Sikap guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran berasaskan Masalah (PBM) dalam pengajaran dan pembelajaran di daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-8.
- Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. Heinemann.
- Ramlah Jantan. (2013). Faedah bermain dalam perkembangan kanak-kanak prasekolah (4-6 tahun). Dlm. Mahizer Hamzah. (pngr.). *Trend dan isu: Pengajaran dan pembelajaran* (hlm.59-69). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozita Radhiah Said, Latifah Mohd Shariff & Fadzilah Abd Rahman. (2017). Pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu Menengah Atas. *International Journal of Education and Training*, 3(2), 1- 12.
- Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15.
- Tan, C. T, Chew, F. P., Fonny, H., Zanariah Hamid. (2019). Integrative and instrumental motivation among the Chinese Language pre-service teachers. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 9(6), 1216-1227.
- Whitebread, D., & Bingham, S. (2013). Too much, too young. *New scientist*, 220(2943), 28-29.
- Zaharah Kamaruddin & Suziyani Mohamed. (2019). Keberkesanan Pendekatan Bermain dalam Kemahiran mengenai Huruf Melalui Permainan Bahasa. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zakiah Mohamad Ashari & Mohamad Kamis Baharuddin. (2016). Pedagogi berasaskan bermain di prasekolah: Satu kajian meta analisis. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 3rd *International Education Postgraduate Seminar 2016*. 18-19 Disember, 2016. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Zakiah Mohammad, Azlina Kosnin & Yeo, K. J. (2013). Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain terhadap kefahaman pengalaman pranamor kanak-kanak prasekolah. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 2nd *International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, 7-10 Oktober, 2013, Johor Bahru.